


AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 6  
RUANGAN : NASIONAL

Rabu, 23 Oktober 2024 

## Bangkit aduan seragam jururawat tidak berkualiti

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng semalam membangkitkan mengenai keluhan jururawat kerajaan yang mendakwa menerima kain untuk pakaian seragam yang berkualiti rendah, sehingga ada yang membandingkannya dengan kain kafan.

Bekas Menteri Kewangan itu berkata, isu membabitkan jururawat dan pembantu perawatan kerajaan itu ditimbulkan Ahli Dewan Negara, Dr R A Lingeshwaran, yang turut bertanggungjawab mendedahkan mengenai kes kartel pemalsuan tuntutan hilang upaya Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) yang membabitkan nilai puluhan juta ringgit sebelum ini.

"Saya ingin bangkitkan aduan daripada jururawat mengenai kain diterima yang sangat keras sehingga kedai jahit pun tak sanggup terima kain tersebut kerana takut jarum mesin jahit akan patah.

"Ada juga yang mengeluh kain diterima cepat jadi kuning sehingga dimarahi 'matron' (ketua jururawat) mereka... saya timbulkan kes ini kerana ada jururawat yang memberi sedekah (kain untuk seragam yang diterima itu) untuk digunakan sebagai kain kafan.

"Lagi mengejutkan banyak yang terpaksa menerima kain tersebut (hanya) untuk menerima bantuan upah jahit... ini kerana jika menolak (terima kain terbabit) dan buat aduan, maka mereka tak akan terima bantuan upah jahit bernilai RM690 secara keseluruhan untuk tiga pasang pakaian seragam," katanya.

Beliau berkata demikian melalui ucapannya ketika sesi perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2025 di Dewan Rakyat semalam.

Sehubungan itu, Guan Eng menggesa Kementerian Kesihatan (KKM) memberikan maklumat lanjut kepada Dewan Rakyat mengenai kontrak yang bertanggungjawab membekalkan kain yang tidak berkualiti itu kepada petugas kesihatan kerajaan.

"Kita harus jaga anggota *frontliners* (petugas barisan hadapan ini yang mengorbankan diri demi keselamatan kita semasa COVID-19 dan mereka tidak seharusnya menerima barang yang begitu mengecewakan ini," katanya.

Melalui Belanjawan 2025 yang dibentangkan Jumaat lalu, sektor kesihatan menerima peruntukan kedua terbesar membabitkan RM45.5 bilion.



Sektor kesihatan terima peruntukan kedua terbesar melalui Belanjawan 2025 membabitkan RM45.5 bilion.  
(Foto hiasan)

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : NASIONAL

Nasional

Rabu, 23 Oktober 2024 **BI**

# Klinik Kesihatan Gelang Patah perlu dinaik taraf

Rakyat harap kemudahan dibaik pulih untuk keselesaan semua

Oleh Omar Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Penduduk Gelang Patah berharap infrastruktur dan kemudahan sedia ada yang terdapat di Klinik Kesihatan Gelang Patah dinaik taraf dan dibaik pulih, untuk keselesaan rakyat.

Pekerja Restoran, Mohamad Helmi Mohd Fobillah, 24 yang baru kali pertama mendapatkan perkhidmatan pergigian di klinik terbabit berkata, jumlah pesakit yang mahu mendapatkan rawatan juga ramai terutama pada sebelah pagi.

Katanya dia terpaksa menunggu sekitar dua jam sebelum mendapatkan rawatan, dengan keadaan kurang selesa.

"Saya datang jam 9.30 pagi dan nombor giliran dipanggil pada jam 11.30 pagi. Rawatan sekejap sahaja dalam tujuh minit.

"Orang memang ramai, ada yang datang lebih awal daripada saya. Rawatan dan layanan jururawat dan doktor sangat me-



Orang ramai memenuhi ruang menunggu di Klinik Kesihatan Gelang Patah.

(Foto Facebook Onn Hafiz Ghazi)

muaskan, tetapi infrastruktur seperti ruang menunggu dan pendingin hawa perlu dinaik taraf.

"Ketika ini bilik untuk rawatan gigi ada dua sahaja, mungkin kalau ada tambahan, masa menunggu boleh jadi lebih pendek, kasihan melihat warga emas, ibu mengandung dan bayi," katanya ketika ditemui selepas mendapatkan rawatan di luar pekarangan Klinik Kesihatan Gelang Patah di sini, semalam.

Tinjauannya juga mendapati kereta dan motosikal pesakit yang datang mendapatkan rawatan juga diletakkan di luar pekarangan Klinik Kesihatan terbabit yang terletak sebelah Jalan Besar Ta-

man Nusa Printis di sini.

Malah, ada kenderaan yang diletakkan di parkir sebelah Dewan Raya Gelang Patah yang terletak berhadapan Klinik Kesihatan Gelang Patah.

## Perbesar ruang klinik

Suri rumah, Bushro Ahmad, 32, berkata ruang klinik perlu diperbesar untuk keselesaan pesakit yang mana rata-ratanya adalah warga emas, ibu mengandung dan ibu bersalin.

Katanya masa menunggu adalah normal sekitar dua jam seperti klinik kesihatan lain.

"Hari ini saya bersama bayi buat pemeriksaan kesihatan hari

ke 12 kelahiran, selalunya dalam sejam siap tetapi hari ini (semalam) ramai pesakit jadi dekat dua jam selesai pemeriksaan.

"Masa mula-mula rasa panas tetapi bila sudah duduk rasa boleh tunggu. Walaupun lama tetapi layanan jururawat dan doktor sini amat baik, tak pernah marah. Jadi kami yang menunggu pun tak rasa tertekan," katanya yang tinggal di Perumahan Iskandar di sini.

Semalam, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi melahirkan rasa amat sedih dan kecewa melihat keadaan Klinik Kesihatan Gelang Patah, di sini yang sangat daif.

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 17  
RUANGAN : LOKAL

# KKM 'kunjungi' 150 premis

*Ops sepadu sasar 28 lokasi larangan merokok*

Oleh Mohd Haris Fadli  
Mohd Fadzil  
harisfadli@hmetro.com.my

## Kuala Lumpur

Sejumlah 150 premis termasuk kedai makan 'dikunjungi' bagi memberi kesedaran kepada orang ramai berhubung 28 lokasi larangan merokok menerusi operasi mega bersepadu di ibu negara dan Putrajaya, kelmarin.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli berkata, rondaan lebih kerap akan dilakukan membabitkan lokasi hotspot yang sering diterima aduan membabitkan isu rokok.

Menurutnya, operasi berkenaan adalah sebahagian daripada inisiatif advokasi Kementerian Kesihatan (KKM) berhubung penguatkuasaan Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [Akta 852].

"Penguatkuasaan ini melibatkan kawasan atau tempat larangan merokok dan premis jualan produk rokok serta rokok elektronik.

"Ini bagi mengurangkan kesan buruk amalan me-

rokok yang berleluasa, termasuk aktiviti pemasaran dan promosi tidak beretika yang disasarkan kepada golongan kanak-kanak dan remaja.

"Penguatkuasaan akta ini melibatkan beberapa aspek yang dikuatkuasakan secara serta-merta dan juga secara berfasa," katanya selepas memeriksa beberapa premis di Jalan Raja Abdullah, Kampung Baru, di sini.

Menurutnya, secara keseluruhannya sebanyak 352 premis di sekitar ibu negara dan Putrajaya diperiksa sepanjang operasi penguatkuasaan bermula 1 Oktober sehingga kelmarin.

"Sejumlah 33 notis kesalahan di bawah Seksyen 47 Akta 852 dikeluarkan dengan nilai kompaun bernilai RM8,250 menerusi operasi harian dan berjadual.

"Sebanyak 18 notis pula

membabitkan kedai makan, kompleks beli-belah (7) dan perhentian awam (8)," katanya.

Pada masa sama, Norhayati turut mengedarkan tanda larangan merokok terkini yang memaparkan rokok tradisional dan rokok elektronik di 58 premis yang dilawati. kelmarin.

"Pemilik premis tidak dibenarkan letak bekas abu rokok bagi elak pelanggan merokok. Jika pelanggan merokok, pemilik premis diminta untuk menasihatkan dengan berhemah agar tidak merokok di kawasan larangan.

"Sekiranya pelanggan masih berdegil, aduan boleh dibuat kepada KKM di talian 010-8608949 atau bilik gerakan di talian 03-88924552. Maklumat pengadu adalah rahsia," katanya.

**"33 notis kesalahan di bawah Seksyen 47 Akta 852 dikeluarkan dengan nilai kompaun bernilai RM8,250 menerusi operasi harian dan berjadual"**

*Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli*

AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 18  
RUANGAN : LOKAL



+

18  www.hmetro.com.my  @hmetromy  HarianMetro  @hmetromy

## lokal

### WHO perluas kad kesihatan digital haji

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Arab Saudi memperluaskan program kad kesihatan digital haji bagi memastikan keselamatan dan kualiti penajaan kesihatan lebih baik kepada hampir tiga juta jemaah yang menunaikan ibadah itu setiap tahun.

Menurut kenyataan WHO, kad kesihatan haji ini dibangunkan berdasarkan infrastruktur utama

(PKI) dalam Rangkaian Pensijilan Kesihatan Digital Global (GDHCN) WHO.

Kad terbabit merangkumi maklumat kesihatan penting seperti keperluan ubat, alahan, status imunisasi, dan masalah kesihatan sedia ada.

"Kad ini memberi kawalan sepenuhnya kepada jemaah terhadap maklumat kesihatan mereka, membolehkan mereka berkongsi maklumat terkini dan tepat

dengan petugas kesihatan yang sah di Arab Saudi, seterusnya menerima rawatan yang bersesuaian dan berkualiti," menurut kenyataan itu.

Sebagai sebahagian daripada kerjasama perintis, lebih 250,000 jemaah dari Indonesia, Malaysia, dan Oman menerima kad kesihatan haji tahun ini.

Susulan kejayaan program ini, WHO dan Arab Saudi bersetuju untuk

memperkuh kerjasama dalam memperluas dan meningkatkan program kad kesihatan berkenaan.

Fasa perintis membuktikan setiap negara yang terbabit berjaya melaksanakan piawaian global dalam mengeluarkan versi kad negara mereka sendiri, sekali gus meningkatkan keselamatan dan kualiti rawatan untuk jemaah haji. - Bernama

### Penduduk mahu Klinik Kesihatan Gelang Patah dinaik taraf

**Johor Bahru:** Penduduk berharap infrastruktur dan kemudahan di Klinik Kesihatan Gelang Patah dapat dinaik taraf dan dibaik pulih dalam kadar segera untuk keselesaan rakyat.

Pekerja Restoran, Mohamad Helmi Mohd Fobillah, 24, yang baru pertama kali

mendapatkan perkhidmatan pergigian di klinik terbabit berkata, kapasiti pesakit yang mendapatkan rawatan juga ramai terutama pada waktu pagi.

Katanya, dia terpaksa menunggu kira-kira dua jam sebelum mendapatkan rawatan dalam keadaan ku-

rang selesa.

"Saya datang jam 9.30 pagi dan nombor dipanggil jam 11.30 pagi. Rawatan sekejap saja dalam tujuh minit.

"Orang memang ramai, ada yang datang lebih awal. Rawatan dan layanan jururawat dan doktor sangat

memuaskan, tetapi infrastruktur seperti ruang menunggu dan pendingin hawa perlu dinaik taraf lagi.

"Ketika ini bilik untuk rawatan gigi ada dua sahaja, mungkin kalau ada tambahan masa menunggu boleh jadi lebih pendek," katanya ketika ditemui sele-

pas mendapatkan rawatan di luar perkarangan Klinik Kesihatan Gelang Patah di sini, semalam.

Tinjauan turut mendapati deretan kereta dan motosikal orang ramai yang datang mendapatkan rawatan juga diletakkan di luar perkarangan klinik di

Jalan Besar Taman Nusa Printis.

Suri rumah, Bushro Ahmad, 32, berkata, ruang klinik perlu diperbesarkan untuk keselesaan pesakit yang mana rata-ratanya adalah warga emas, ibu mengandung dan ibu baru bersalin.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

## Pengurusan aduan kes buli doktor masih samar

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**  
juani.bakar@mediamulia.com.my

**PETALING JAYA:** Pengurusan aduan buli melibatkan petugas kesihatan masih samar meskipun Kementerian Kesihatan telah mempunyai kemudahan sistem dalam talian, MyHELP bagi menangani masalah itu.

Sistem yang dilancarkan pada 1 Oktober 2022 itu membolehkan petugas menyalurkan aduan mengenai buli terus kepada Unit Integriti, Ibu Pejabat Kementerian tanpa perlu melalui penyelia atau ketua jabatan.

Namun Jurucakap Hartal Doktor Kontrak (HDK), Dr. Muhammad Yassin berkata, sistem tersebut hanya terdapat ruangan aduan dan semakin laporan tanpa memperincikan lebih lanjut bagaimana pengendalian pengurusan buli termasuk kaedah aduan disiasat.

Menurutnya, Kementerian Kesihatan seharusnya segera mengumumkan secara terbuka garis panduan pengurusan buli itu bagi meningkatkan keyakinan orang ramai agar hasil siasatan dilakukan secara telus.

Malah katanya, langkah itu bagi menamatkan kes-kes buli yang berlaku di hospital dan klinik kerajaan.

"Pengurusan aduan buli Kementerian Kesihatan agak samar-samar pelaksanaan mahupun keberkesannya kerana pihak kementerian tidak mengeluarkan data yang diperlukan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kelmarin, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pihaknya akan mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Buli di Tempat Kerja bagi menangani isu tersebut di fasiliti perubatan kesihatan awam.

**Bersambung di muka 2**

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 3  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Pengurusan aduan kes buli doktor masih samar

### Dari muka 1

Katanya, garis panduan itu dikeluarkan menerusi Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH).

Dzulkefly berkata, pihak Kementerian sentiasa mengambil sikap tegas dan telus dengan melaporkan hasil siasatan selepas selesai dijalankan berdasarkan aduan kes-kes buli sebelum ini.

Sebelum ini, beberapa dok-

tor di hospital kerajaan di Sabah mengalami gejala buli secara lisan dan fizikal apabila dihambur perkataan kesat, lucah serta penghinaan kaum, selain pernah diancam senjata tajam jika tidak mematuhi arahan ketua unit.

Malah, mereka sering dimalukan di hadapan pesakit apabila kemahiran profesional petugas kesihatan terbabit diperlekeh secara terbuka oleh doktor pakar.

Pembuli pula bagaikan mem-

punyai kekebalan apabila tiada tindakan tegas diambil ke atas mereka, selepas aduan kepada pihak atasan, bahkan ketua jabatan memberi amaran akan menukarkan doktor yang menagadu dibuli ke unit lain.

Justeru itu Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) menggesa pihak berkuasa menjalankan siasatan segera berhubung laporan beberapa doktor di hospital kerajaan di Sabah mengalami gejala buli secara lisan

dan fizikal.

Presiden MMA, Datuk Dr Kalwinder Singh Khaira berkata kelewatan siasatan akan mengganggu perkhidmatan di fasiliti kesihatan yang berkenaan di negeri itu.

Beliau menegaskan, tindakan yang diambil kerajaan dalam kes itu akan menghantar mesej yang jelas dan tegas kepada pembuli bahawa apa juga bentuk buli dalam penjagaan kesihatan tidak akan dikompromi.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : DALAM NEGERI



**PENGUAT** kuasa Jabatan Kesihatan Kuala Lumpur mengunjungi sebuah restoran bagi menyampaikan maklumat dan nasihat kepada pemilik kedai mengenai papan tanda larangan merokok di bawah Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 (Akta 852) di Kuala Lumpur, semalam.

## Operasi rokok: Pemantauan di kawasan larangan dipertingkatkan

**KUALA LUMPUR:** Pemantauan akan ditingkatkan di kawasan yang diwartakan sebagai kawasan larangan merokok sekiranya masih ramai individu yang melanggar peraturan itu.

Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr. Norhayati Rusli berkata, orang ramai boleh membuat aduan di talian atau menghubungi Bilik Gerakan Akta 852 Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya (JKWP&P).

“Sejumlah 33 notis kesalahan di bawah Seksyen 47 Akta 852 dikeluarkan dengan nilai kompaun RM8,250 menerusi operasi harian dan berjadual.

“Sebanyak 18 notis membatik kedai makan, kompleks beli-belah (7 notis) dan perhen-

tian awam (8 notis),” katanya dalam sidang akhbar selepas Operasi Mega Bersepadu Penguatkuasaan Akta 852 di Kampung Baru di sini, semalam.

Dr. Nurhayati berkata, dalam operasi bersepadu itu, pihaknya memeriksa 150 premis di sekitar kawasan berkenaan.

“Kami sempat mengedarkan tanda larangan merokok yang baru ditambah dengan logo rokok elektronik dan kod QR yang boleh diimbas bagi mengetahui lebih lanjut berkaitan khidmat nasihat kesihatan di 58 premis.

“Pemilik premis juga tidak dibenarkan meletakkan bekas abu rokok bagi elak pelanggan merokok. Jika pelanggan merokok, pemilik premis diminta untuk menasihatkan dengan

berhemah agar tidak merokok di kawasan larangan.

“Sekiranya pelanggan masih berdegil, aduan boleh dibuat kepada KKM atau bilik gerakan. Maklumat pengadu adalah rahsia,” jelasnya.

Tambahnya, kawasan yang sering diterima aduan berkenaan akan dibuat rondaan dengan lebih kerap oleh pegawai.

Katanya, Kementerian Kesihatan menerima sambutan baik daripada pemilik premis dan semua patuh dengan arahan untuk menggunakan tanda larangan baharu.

Akta 852 yang telah diwartakan pada 2 Februari lalu berkuat kuasa serentak dengan peraturan-peraturan serta perintah di bawahnya bermula 1 Oktober lalu.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : DALAM NEGERI

## Dalam Negeri

Utusan Malaysia  
RABU • 23 OKTOBER 2024

9

Bimbang dibuang kerja, risau dilabel sebagai gila

# Pekerja 'takut' bincang isu mental

Oleh FATIN NORIZATI MAT ISA  
norizati.isa@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Isu kesihatan mental di tempat kerja masih dilihat sebagai perkara sensitif untuk dibincangkan dengan hanya 55 peratus pekerja di negara ini berasa selesa memberitahu pihak pengurusan mengenai masalah yang mereka hadapi.

Menurut laporan *Employment Hero*, peratusan tersebut membangkitkan kebimbangan terhadap kesihatan mental di tempat kerja kerana ia dilihat masih menghalang pekerja daripada mendapatkan sokongan yang diperlukan.

Malah, 30 peratus pekerja mendapati tekanan kewangan dan peningkatan kos sara hidup sebagai punca utama mereka berdepan masalah keletihan melampau yang mendorong kepada masalah kesihatan mental.

Berdasarkan laporan *Business Today*, 50 peratus pekerja menyatakan majikan menyokong inisiatif kesihatan mental manakala 49 peratus masih bim-



**Tekanan kerja, hubungan rakan sekerja dan beban tugas memberi kesan yang besar terhadap kesihatan mental pekerja serta menjejaskan motivasi dan produktiviti pekerja."**

**SHAZLI EZZAT GHAZALI**

bang pendedahan mengenai isu berkenaan mungkin membawa kesan negatif seperti halangan dalam kerjaya atau penilaian negatif daripada rakan sekerja.

Selain itu, 68 peratus pekerja Melayu berisiko menghadapi tekanan mental di tempat kerja, diikuti Cina (25 peratus) manakala India (7 peratus).

Pakar psikologi di Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Madya Dr. Shazli Ezzat Ghazali berkata, peningkatan gangguan kesihatan mental adalah disebabkan beban kerja berlebihan, tekanan masa, ketidakstabilan pekerjaan dan kurangnya keseimbangan antara kerja dan kehidupan peribadi.

Menurutnya, tekanan peribadi dihadapi di luar tempat kerja mungkin terbawa-bawa ke dalam persekitaran kerja memberi kesan kepada kesejahteraan mental dan ketidakmampuan pekerja mengurusnya.

Jelasnya, fenomena *fear of missing out* (FOMO) atau ketakutan untuk terlepas peluang semakin menjadi isu di tempat kerja sekali gus menyebabkan peningkatan tekanan mental dalam kalangan pekerja.

"Tekanan kerja, hubungan rakan sekerja dan beban tugas memberi kesan yang besar terhadap kesihatan mental pekerja serta menjejaskan motivasi dan produktiviti pekerja.

"Tekanan tidak terkawal boleh menyebabkan kebim-

bang dan keletihan mental. Hubungan rakan sekerja yang tegang boleh menambah lagi tekanan manakala beban tugas terlalu tinggi atau tidak realistik boleh membawa kepada keletihan emosi dan fizikal," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan satu daripada tiga rakyat Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.

Laporan *Jobstreet by Seek 2024* mendedahkan 18 peratus pekerja mengkategorikan tempat kerja sebagai 'sangat tertekan' dengan industri perkhidmatan pengguna sebagai paling tertekan, diikuti peruncitan dan perdagangan.

Menurut laporan itu, punca utama tekanan termasuk beban kerja yang berat (37 peratus), kekurangan latihan atau sokongan (30 peratus) dan tekanan tinggi daripada pihak pengu- rusan atau persekitaran yang perlukan kepantasan dalam melakukan kerja (29 peratus).

Mengulas lanjut, Shazli berkata, isu kesihatan mental turut

berpunca daripada ketidak- payaan pekerja untuk melaksan- akan tugas disebabkan oleh ketidakserasian dengan pekerjaan atau kekurangan kemahiran.

"Kes buli di tempat kerja juga antara faktor berlakunya masalah kesihatan mental. Individu yang pernah dibuli atau berasa lemah cenderung membuli orang lain sebagai cara menutup kelemahan diri mereka.

"Tekanan yang timbul daripada gaya hidup moden dan penggunaan media sosial turut menyumbang kepada masalah mental yang mana pekerja mula membandingkan diri dengan orang lain," jelasnya.

Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), satu daripada 10 pekerja mengalami masalah kesihatan mental seperti tekanan kronik, kebimbangan atau kemurungan.

Menjelang 2030, masalah kesihatan mental berisiko menjadi penyakit kedua terbesar selepas penyakit jantung jika tiada program pencegahan yang efektif dilaksanakan.



AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NATION

8 Nation

THE STAR, WEDNESDAY 23 OCTOBER 2024



# AT THE DEWAN RAKYAT

Reports by MARTIN CARVALHO, GERARD GIMINO and HO JIA WEN

## Anti-bullying guidelines out soon, says Dzulkefly

GUIDELINES for a safe and bully-free workplace for healthcare workers will be issued, says Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

These guidelines, issued through the National Centre of Excellence for Mental Health (NCEMH), will clarify workplace bullying reporting procedures and outline prevention and intervention measures for individuals and organisations.

He added that the guidelines aim to protect the physical and

mental well-being of staff members and create a safe and harmonious work environment free from bullying or intimidation, in a written reply to Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) yesterday.

In August, a pathology specialist at Hospital Lahad Datu was found dead in her rental unit in the wake of allegations of workplace bullying.

Her brother, Tay Yong Shen, 31, said his sister showed no signs of depression or any intention to

end her life, adding that the family had discovered evidence in her WhatsApp conversations of her workload and how she was treated.

An independent Special Task Force by the Health Ministry, which took effect on Oct 10, was set up to investigate her death.

Dzulkefly said the ministry will not compromise on bullying.

"The Health Ministry takes a firm and transparent stance, and will report investigation results once the investigation is complet-

ed," he added in his written response.

He said that instances of bullying can be reported through the ministry's MyHELP system to enable officers to file complaints directly to the ministry's Integrity Unit.

For graduate medical officers, the House Officer Encouragement and Reassurance Through Sharing and Support programme will be introduced to provide support and help them build resilience.

Moreover, emotional support

and early intervention for healthcare workers' mental wellness can be accessed through the Mental Health Crisis Line, known as Talian HEAL, by dialling 15555.

The support will be provided by Health Ministry psychologists.

Counselling services will also be expanded with trained psychologists and public service peer support.

A support programme called "Kintsukuroi" is also offered for medical officers and other healthcare workers at certain hospitals.

# Think of the patients, too

## Healthcare quality also suffers when doctors are overworked

THE 33-hour on-call shifts are not only unfair to government doctors but also patients, says a government backbencher.

Citing *The Star's* front-page report last week, Khoo Poay Tiong (PH-Kota Melaka) questioned how the shift is still the norm, adding that it could also affect services received by patients.

"For example, a doctor may start his shift at 8am and end it at 5pm the same day, marking nine working hours.

"Following this, they have to stand by and be on-call until 8am the following day, which brings it to 15 total working hours.

"Then, they go straight into their daily routine until 5pm the following day, bringing it to a total 33 working hours at least.

"This is an extremely long working period and will surely affect the welfare of doctors, with some losing their lives due to

work fatigue," he told a press conference at the Parliament media centre yesterday.

On Oct 16, *The Star* highlighted calls by the medical fraternity to do away with 30-hour on-call periods after a doctor at a government hospital in Penang was found dead in her car at the parking lot of the hospital she served.

This resulted in the doctor's sister, who was serving as a medical officer in another government hospital in Penang, resigning immediately.

The sister believed that her sibling's untimely death was caused by overwork and exhaustion as a result of inadequate rest.

On a related matter, Khoo questioned how many of the vacancies listed by the Health Ministry had already been filled.

Citing a parliamentary written reply by the ministry, he said there were 8,470 specialist posi-

### Docs: End 30-hour on-call shifts

'Working hours should be humane so patient care is not affected'



tions and 34,922 medical officer positions.

"However, the pertinent question remains, how many of these positions have actually been filled?" he asked.

He also cited the ministry's written reply in the Dewan Negara earlier this year about an average of 199 specialists quitting annually over the past 10 years.

"This means close to 2,000 specialists have resigned over this

period," he added.

Khoo also called on Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad to find a swift resolution to both matters.

"Dr Dzulkefly previously said he had unfinished business when he took up the post of Health Minister in 2023.

"I hope unfinished business here includes overcoming the lack of specialists and improving doctors' welfare," he said.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 14  
RUANGAN : NATION

## IJN ups accuracy in dispensing medication with i-Pharmabot

By JAY WONG

**PETALING JAYA:** The National Heart Institute (IJN) has launched i-Pharmabot, the nation's first Automated Dispensing Medication System (ADMS).

"While the technology behind i-Pharmabot is similar to those used in the United States and the United Kingdom, what sets ours apart is that it has been specifically tailored for our outpatient services," said IJN Holdings chairman Datuk Seri Dr Chen Chaw Min during the launch.

Chen explained that the system has been designed with patient safety as the priority, through its ability to handle a large number of prescriptions safely and accurately.

"Other countries may focus on inpatient care but here at IJN,



**Future-forward healthcare:** Chen speaking during the launch of i-Pharmabot.

we're using it to really improve the safety and experience for our outpatient population," said Chen, adding that the ground-breaking system is now fully operational and can dispense up to 180 medications per minute.

"Previously, our pharmacy relied on manual processes,

where patients had to use prescription slips and more staff were required to prepare medications manually," he said, adding that patients can sometimes wait more than 30 minutes to receive their prescriptions.

The automated system has helped streamline the entire pro-

cess by having prescriptions screened and prepared before the arrival of patients, with i-Pharmabot able to sort, label and dispense medications accurately.

"By freeing pharmacists from preparation tasks, they can now focus on improving a patient's experience by offering proper instruction or advice, answering questions and ensuring patients feel supported throughout their healthcare journey," said Chen.

Costing almost RM6.4mil, the system was acquired from the collaboration between Dutch-based pharmacy automation systems provider RoboPharma and Singapore-based Omni-Health.

Chen pointed to the fact that in 2023, IJN's level of accuracy was seen in the low rate of 3.3 errors per 100,000 items for both inpatient and outpatient care.

"Having such a low number indicates a strong commitment to patient safety and precision."

Chen expects i-Pharmabot to help further reduce such errors, especially when it comes to packing and sorting medication.

While it will not completely eradicate every type of error, he was confident that i-Pharmabot will help to significantly lower the chances of mistakes.

"The main goal here is to make sure patients are receiving the right medication that has been packed correctly," said Chen, who added that every precaution has been taken to ensure power outages will not be an issue.

Should the unfortunate occur, IJN's Outpatient Block B is ready to provide the necessary electrical supply backup to ensure uninterrupted operations.